



# KOPERASI PERDANAJAYA MALAYSIA BERHAD

(No. 3754)

Ruik Kmtir PERDANAJAYA/170/G

1hb Julai 2013

Kepada: Anggota Koperasi Perdanajaya Malaysia Berhad (PERDANAJAYA) yang berkenaan

Tuan/Puan yang budiman

## PER: PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI PERDANAJAYA MALAYSIA BERHAD (PERDANAJAYA)

Dengan penuh hormat dan takzimnya surat kami bertarikh 1hb September 2012 mengenai perkara di atas dirujuk.

Untuk makluman tuan/puan, permohonan pendaftaran pindaan Undang-undang Kecil Koperasi Perdanajaya Malaysia Berhad (PERDANAJAYA) telah pun diluluskan dan didaftarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada 6hb Ogos 2012.

Anggota-anggota individu yang kini mempunyai syer minimum **RM100.00** perlu menambah syer mereka kepada minimum **RM500.00** manakala dalam hal koperasi anggota, masih dikenakan syer minimum **RM10,000.00**. Sehubungan dengan itu, anggota-anggota individu yang kini mempunyai syer minimum RM100.00 yang masih belum menambah syer mereka kepada **RM500.00** sebelum **30hb Jun 2013 (peringatan pertama)** kini dilanjutkan tempoh sehingga **31hb Disember 2013** bagi membolehkan mereka melaksanakan hak, kewajipan dan liabiliti sebagai anggota sebagaimana terkandung dalam Undang-undang Kecil Koperasi Perdanajaya Malaysia Berhad (PERDANAJAYA).

Selepas daripada tarikh tersebut, potongan/pindahan akan dibuat daripada akaun yuran dan atau akaun pembiayaan anggota peminjam yang berkenaan bagi memenuhi keperluan syer minimum tersebut di atas manakala keanggotaan anggota-anggota individu yang lain dalam Koperasi Perdanajaya Malaysia Berhad (PERDANAJAYA) hendaklah terhenti.

Tuan/puan boleh membuat bayaran dalam bentuk cek/kiriman wang/pos atas nama Koperasi Perdanajaya Malaysia Berhad dan kirimkan kepada:-

Setiausaha  
Koperasi Perdanajaya Malaysia Berhad  
No: 16A Jalan 2/6 Dataran Templer  
Bandar Baru Selayang  
68100 Batu Caves  
Selangor Darul Ehsan

bagi membolehkan kami mengambil tindakan yang sewajarnya.

Di atas perhatian dan sokongan tuan/puan, kami dahului dengan ucapan terima kasih.

## DENGAN SALAM KOPERASI

Yang menjalankan tugas  
b.p. Koperasi Perdanajaya Malaysia Berhad (PERDANAJAYA)

S.AHLAIMUNIANDY  
Setiausaha

Sk: ~ Pengerusi ~ Bendahari ~ Pengurus

/ruk.perdanajayapindaan(2013)(circular)(members)(reminder)



No. 16A JALAN 2/6, DATARAN TEMPLER, BANDAR BARU SELAYANG,  
68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL ESHAN, MALAYSIA.  
Tel : +603-6120 7064 , +603-6120 7072 , Fax: +603-6120 7066

